

Penggunaan Buku Teks Pengajian al-Quran Sekolah Menengah di Malaysia: Sorotan Literatur Sistematis dalam Konteks Pendidikan Islam Kontemporari

The Use of Qur'anic Studies Textbooks in Malaysian Secondary Schools: A Systematic Literature
Review in the Context of Contemporary Islamic Education

ZULKIFLI ABD MUBI*,¹, HAZIYAH HUSSIN¹, SABRI MOHAMAD¹ & AHMAD BAHĀ' MOKHTAR²

¹Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia

²Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, BE1310, Brunei Darussalam

*Corresponding Author; email: zulkifliabdmubi@gmail.com

Received: 9 July 2024/Revised: 15 July 2025/Accepted: 15 July 2025/

Published: 1 December 2025

ABSTRAK

Buku teks merupakan instrumen penting dalam sistem pendidikan Malaysia kerana berfungsi sebagai sumber utama rujukan bagi guru dan murid. Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan keberkesanan kurikulum. Walaupun perkembangan era digital telah memperkenalkan pelbagai bahan bantu mengajar baharu, tahap penggunaan dan kualiti buku teks, khususnya dalam konteks pendidikan Islam, masih menjadi isu yang berterusan. Oleh itu, kajian sorotan literatur sistematik (SLR) ini dijalankan bagi menganalisis kajian-kajian terdahulu berhubung penggunaan buku teks di Malaysia serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya dalam pengajian al-Quran. Berpandukan kerangka PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses), sebanyak 32 artikel yang diterbitkan antara tahun 2019 hingga 2024 telah disaring daripada pangkalan data Scopus, Google Scholar, Mendeley dan MyCite. Dapatan kajian ini mengenal pasti dua tema utama yang mempengaruhi penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid: i) kualiti buku teks yang merangkumi aspek kandungan, aktiviti dan latihan, grafik dan ilustrasi, serta bahasa dan istilah; dan ii) jenis buku teks yang digunakan, sama ada berbentuk fizikal mahupun digital. Implikasi kajian mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan semakan semula serta penambahbaikan terhadap buku teks Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ). Penambahbaikan ini perlu mengintegrasikan ciri-ciri buku teks berkualiti dengan memberi perhatian kepada cabaran kontemporari, pendekatan pedagogi yang berkesan dan nilai pendidikan Islam yang relevan demi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah menengah.

Kata kunci: Buku teks; KKQ; pendidikan Islam kontemporari; Abad ke-21; kualiti

ABSTRACT

Textbooks are vital instruments in the Malaysian education system as they serve as the primary reference for both teachers and students. The Malaysian Ministry of Education mandates their use in teaching and learning to ensure the effectiveness of the curriculum. Despite the rise of various digital teaching aids in the current era, the level of usage and quality of textbooks, particularly in Islamic education, remains a persistent issue. Hence, this systematic literature review (SLR) was conducted to analyse previous studies on textbook usage in Malaysia and to identify the factors influencing their application in Qur'anic education. Guided by the PRISMA framework (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses), 32 articles published between 2019 and 2024 were screened from Scopus, Google Scholar, Mendeley, and MyCite databases. The findings identified two main themes influencing textbook use among teachers and students: (i) textbook quality, content, activities, exercises, graphics and illustrations, and language and terminology; and (ii) textbook types, whether physical or digital. The implications of this study suggest that the Ministry of Education should review and improve the Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) textbooks. Such improvement should integrate the characteristics of high-quality textbooks while addressing contemporary challenges, effective pedagogical approaches, and relevant Islamic educational values to enhance the teaching and learning of the Qur'an at the secondary school level.

Keywords: Textbook; KKQ; contemporary Islamic education; 21st century; quality

PENGENALAN

Buku teks memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan di Malaysia sebagai bahan rujukan utama semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah mahupun di rumah. Walaupun telah wujud pelbagai bahan bantu mengajar yang lebih moden dan canggih seperti penggunaan teknologi maklumat melalui komputer dan internet, peranan dan kepentingan buku teks masih tidak dapat dinafikan (Fatimatulzahrah 2019). Tambahan pula, dalam era Revolusi Industri 4.0 dan pasca pandemik COVID-19, sumber digital seperti aplikasi mushaf elektronik, pembelajaran atas talian dan kecerdasan buatan semakin berkembang. Justeru ia menuntut penilaian semula tentang kedudukan buku teks pengajian al-Quran dalam pendidikan Islam kontemporari (Adlina et al., 2020; Abdul Rahman et al. 2025; Muhammad Panjaitan et al. 2025). Hal ini kerana buku teks merupakan sumber asas untuk menyokong pengajaran guru (Milad 2013; Lim Chien Yee & Roslinda 2021; Alexon et al. 2024).

Penggunaan buku teks dalam PdP memberi banyak kebaikan kepada guru mahupun murid. Buku teks berperanan sebagai penghubung antara pembangunan dasar kurikulum, pembangunan guru (Cheng Jia Wei & Roslinda 2020), peperiksaan dan pentaksiran, pembentukan sahsiah dan jati diri murid (Jenih et al. (2020). Ia turut berperanan sebagai penggerak utama dalam menyampaikan pengetahuan dan maklumat secara maksima di dalam bilik darjah (Tay Meng Guat 2010) bahkan ia mempengaruhi bagaimana cara murid belajar dan guru mengajar (Nurul Hasna, Ahmad Arifin & Saedah 2020) di samping dapat membantu untuk mencapai objektif PdP di dalam kelas.

Kajian Kamarul Azmi et al. (2011); Nilavani & Khairul Azhar (2021) menyatakan guru menggunakan buku teks bagi merangka kertas edaran dan modul sebelum memulakan PdP. Buku teks juga digunakan untuk membina item dalam melaksanakan peperiksaan dan pentaksiran bagi menguji pencapaian murid (Jenih et al. 2020; Azriana & Roslinda 2021). Hal ini sejajar dengan arahan KPM (1999) yang mewajibkan penggunaan buku teks sebagai bahan bantu mengajar utama di dalam kelas bagi semua sekolah kerajaan. Jutaan ringgit diperuntukkan untuk menampung kos mencetak dan mengedar buku teks kepada semua sekolah bagi memastikan keseragaman penggunaannya semasa PdP dilaksanakan (Tay Meng Guat 2010; Wan Mariana 2013; Azriana & Roslinda 2021).

Sehubungan itu, pelbagai kajian telah dilakukan tentang kepada penggunaan dan kualiti buku teks termasuk di sekolah rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Cina dan Matematik (Nurul Hasna 2020; Lau Yi Yi et al. 2020; Fam Choo Chen & Tan Tiam Lai 2022; Vidhya & Roslinda 2023). Manakala di peringkat sekolah menengah, kajian tertumpu bagi mata pelajaran Geografi, Sejarah, Matematik, Bahasa Arab dan Bahasa Melayu (Jenih et al. 2020; Asmahani, Mohd Mahzan & Abdul Razaq 2020; Zetty Khairunisa & Roslinda 2021; Mohamad Hussin & Zawawi 2021; Marmi Mariana & Dahlia 2022; Sivakumar & Mohd Mahzan 2023). Kajian tentang buku teks Pendidikan Islam turut dibuat untuk melihat keberkesanan penggunaannya sebagai bahan bantu mengajar di sekolah rendah dan menengah (Siti Nasuha 2021; Mohd Khairul Azuan & Mohd Isa 2023) serta cabaran yang dihadapi dalam menggunakan aplikasi buku digital semasa PdP secara maya (Abdul Syahid et al. 2021).

Dalam konteks pengajian al-Quran di sekolah menengah, terdapat kajian berkaitan penggunaan buku teks dalam PdP bagi mata pelajaran Maharat al-Quran (Sri Andayani et al. 2021) dan Pendidikan al-Quran dan Sunnah (Amrina Rasyada & Nik Md Saiful 2019). Selain itu, kajian turut dilakukan terhadap buku teks Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ). Kelas ini merupakan salah satu aktiviti kokurikulum untuk memperkasakan kemahiran al-Quran melalui penekanan khusus dalam bidang tajwid, rasm Uthmani, hafazan, ulum al-Quran, Qiraat al-Sab'ie dan taranum. Dapatan sedia ada menunjukkan penggunaan buku teks KKQ dalam PdP hanya dalam bidang Qiraat al-Sab'ie (Ahmad Junaidi 2018) dan Taranum (Nurfadilah et al. 2022), manakala penggunaan dalam bidang-bidang lain belum diteliti. Malah sehingga kini, belum ada kajian yang menilai kualiti buku teks KKQ. Sorotan literatur mendapati kajian terdahulu lebih tertumpu berkaitan tahap penguasaan guru dan murid (Azri, Jahidih & Azmil 2020; Sharifah Noorhidayah, Norhasanah & Nur Wadihah 2023; Mohamad Khairul, Rahimi & Samsuddin 2023), amalan PdP (Mohamad Khairul, Talhah & Kamarul Azmi 2020; Jahidih & Nurul Hamimi 2021; Nurfadilah, Khadijah & Harun 2022), sikap dan minat (Ahmad Junaidi 2018), model dan inovasi KKQ (Mohamad Khairul Latif et al. 2019; Mohd Asri & Kamarulzaman 2021). Jurang kajian ini menimbulkan persoalan penting untuk menilai sejauh mana buku teks KKQ

sesuai dengan keperluan pendidikan Islam masa kini. Ini kerana dalam pendidikan Islam, autoriti buku teks pengajian al-Qur'an bukan sahaja diukur dari aspek pedagogi, tetapi juga kerelevanannya dalam memenuhi tuntutan kontemporari pendidikan abad ke-21.

Justeru itu, satu sorotan literatur sistematik wajar dilakukan. Bagi membangunkan persoalan kajian dalam SLR ini, kerangka PICO (Population, Interest, Context) seperti yang dicadangkan oleh Shaffril et al. (2021) digunakan. PICO ialah alat yang membantu penyelidik untuk membangunkan soalan yang bersesuaian dengan kajian ini. PICO dibentuk berdasarkan tiga utama konsep iaitu populasi atau masalah (P), kepentingan atau minat (I) dan konteks (Co). Penggabungan tiga aspek ini telah digunakan untuk menjana persoalan kajian iaitu guru dan murid KKQ (populasi), penggunaan buku teks KKQ (kepentingan) dan pengajaran dan pembelajaran (konteks). Justeru persoalan kajian dapat dibentuk iaitu: Apakah faktor penggunaan buku teks Pengajian al-Quran dalam PdP?

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah sorotan literatur sistematik atau *Systematic Literature Review* (SLR). SLR mempunyai beberapa kelebihan berbanding sorotan literatur konvensional kerana ia melibatkan proses pemilihan terbitan yang telus, penerokaan bidang penyelidikan yang lebih luas dan penetapan objektif-objektif yang jelas serta pengawalan elemen berat sebelah dalam penyelidikan (Muhamad Jad Hamizan et al. 2023). Pendekatan ini dipilih kerana sesuai bagi menilai isu-isu pendidikan Islam kontemporari, khususnya berkaitan peranan dan kualiti buku teks pengajian al-Quran di sekolah menengah.

Dalam kajian ini, kaedah *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) diaplikasikan. PRISMA digunakan kerana protokol ini mampu mengawal kualiti dan kuantiti pemilihan artikel dalam pangkalan data besar seperti *Scopus* dan *Google Scholar* malah ia merupakan antara kaedah yang paling teliti dan sering digunakan untuk sorotan literatur bersistematik (Muhamad Jad Hamizan et al. 2023). Kawalan kualiti dan kuantiti pemilihan artikel dipandu oleh kriteria yang ada dalam PRISMA iaitu melalui pengenaltastian, saringan, kelayakan

dan rangkuman bagi penilaian artikel berkualiti. Kesemua artikel perlu melalui penilaian berdasarkan empat kriteria ini agar objektif sorotan literatur bersistematik ini dapat dicapai (Ismail, A.M., Jamir Singh, P.S. & Mujani 2025; Sarah Nur Najwa & Maslida 2022). Melalui pendekatan ini, data yang diperoleh lebih konsisten, telus dan mencerminkan perkembangan semasa.

FASA PENGENALTASTIAN

Langkah pertama dalam carta alir kajian literatur bersistematik adalah fasa pengenaltastian. Carian memfokuskan instrumen yang melibatkan buku teks. Pencarian telah dilakukan pada 3 Jun 2024 daripada pangkalan data *Scopus*, *Google Scholar*, *Mendeley* dan *MyCite*. Justifikasi pemilihan pangkalan data *Scopus* adalah kerana ia merupakan pangkalan data terbesar dan ilmiah (Mohd Ridzuan & Mary Fatimah 2024) yang stabil dan diiktiraf oleh badan-badan ilmiah antarabangsa untuk capaian maklumat ilmiah yang autentik (Aidi Ahmi 2021). Ia merupakan pangkalan data yang paling digemari oleh penyelidik sepanjang zaman (Nur Asyiqin & Firuz 2023). *MyCite* merupakan satu pangkalan data yang menghimpunkan pelbagai penulisan akademik yang diterbitkan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia. Manakala *Mendeley* dan *Google Scholar* pula berkemampuan untuk bertindak sebagai pangkalan data sokongan dalam proses tinjauan sistematik kerana ia merangkumi pelbagai penerbitan artikel, jurnal dan kes di serata dunia. Carian kata kunci yang pelbagai juga boleh diakses melalui pangkalan ini. Kata kunci yang boleh diakses di *MyCite* pula adalah terhad dan hanya dapat mengenal pasti kata kunci daripada penerbitan artikel dalam laman itu sahaja.

Terma pencarian serta kata kunci yang khusus digunakan dalam bahasa Inggeris bagi pangkalan data *Scopus* dengan kata kunci "*textbook quality*". Manakala pencarian dalam bahasa Melayu bagi pangkalan data *Google Scholar*, *Mendeley* dan *MyCite* dengan kata kunci "buku teks", "kualiti buku teks" dan "penggunaan buku teks". Justifikasi pencarian dalam bahasa Melayu kerana fokus kajian adalah di Malaysia. Hasilnya terdapat 15184 artikel yang diperolehi pada peringkat ini. Kemudian ditapis dalam beberapa saringan berikutnya seperti jadual 1.

JADUAL 1. Hasil dapatan carian awal

Pangkalan Data	Item Carian	Dapatan
Scopus	TITLE-ABS-KEY (textbook AND using AND quality)	4320
Google Scholar	allintitle: “buku teks” OR allintitle: “penggunaan buku teks” OR allintitle: “kualiti buku teks” allintitle: “Malaysia”	4740
Mendeley	“buku teks” OR “penggunaan buku teks” OR “kualiti buku teks” OR “Malaysia”	5791
MyCite	‘buku teks’, ‘penggunaan buku teks’, ‘kualiti buku teks di Malaysia’	333

FASA PENYARINGAN

Webster dan Watson (2002) menyatakan, beberapa kriteria utama dalam pemilihan sesebuah artikel digunakan untuk dianalisis dalam langkah penyaringan ini. Semasa menapis data carian, hasil carian dihadkan kepada artikel bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang diterbitkan antara 2019 dan 2024, jenis bahan terbitan daripada artikel jurnal dan prosiding, jenis dapatan kajian kuantitatif dan kualitatif atau gabungan dan kemudahan artikel dapat diakses penuh. Walau bagaimanapun, terma dalam bahasa Inggeris hanya diambil daripada *Scopus* memandangkan hasil dapatan carian akan menjadi begitu meluas jika diambil daripada

pangkalan data lain. Hasilnya, sebanyak 12552 buah artikel dikecualikan pada peringkat saringan pertama ini dan berbaki 2632 artikel yang perlu disaring pada peringkat seterusnya. Pada peringkat seterusnya, saringan kedua perlu dilakukan untuk memperkecilkan skop perbincangan hanya berkaitan penggunaan atau kualiti buku teks di Malaysia. Selepas melakukan saringan dengan kriteria seperti dalam Jadual 2, dapatan carian merekodkan pengurangan sebanyak 2468 dan sebanyak 164 artikel yang diperolehi daripada empat pangkalan data tersebut iaitu 14 daripada *Scopus*, 68 daripada *Google Scholar*, 47 daripada *Mendeley* dan 35 daripada *MyCite*.

JADUAL 2. Kriteria penerimaan dan penolakan artikel

Kriteria	Penerimaan	Penolakan
Tahun Penerbitan	2019 hingga 2024	Penerbitan sebelum tahun 2019
Bahasa	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Lain-lain bahasa
Jenis Bahan Terbitan	Artikel Jurnal dan Prosiding	Tidak termasuk dalam jurnal dan prosiding
Metodologi	Kuantitatif dan Kualitatif	Sorotan Kajian Lepas (<i>Literature Review</i>)
Kemudahan Akses	Boleh diakses penuh	Tidak boleh diakses penuh
Fokus Dapatan	Penggunaan atau kualiti buku teks di Malaysia	Selain daripada tajuk penggunaan atau kualiti buku teks di Malaysia

FASA PENENTUAN KELAYAKAN

Bagi memastikan artikel jurnal yang dipilih mematuhi piawai yang telah ditentukan untuk kajian ini, kesemua 164 buah artikel disemak semula dengan kaedah *handpicking* untuk memilih artikel yang memenuhi kriteria dan menjawab persoalan kajian. Dalam proses penelitian ini, teknik bacaan luncuran untuk setiap tajuk kajian dan teknik bacaan imbasan di bahagian abstrak digunakan. Hasil penyemakan semula telah mengecualikan 113 buah artikel jurnal kerana tidak berkaitan dan tidak relevan dengan persoalan kajian ini. Manakala 20 artikel lagi yang bertindan telah dikecualikan dalam fasa kelayakan ini. Maka, jumlah artikel jurnal yang menepati ketetapan kriteria kajian ini adalah sebanyak 32 artikel.

FASA PENILAIAN KUALITI

Untuk menyaring kualiti artikel ini, *Mixed-Method Appraisal Tool (MMAT) Version 2018* digunakan (Hong et. al. 2018). MMAT digunakan untuk menilai kualiti artikel jurnal yang terpilih. MMAT telah dibangunkan khususnya untuk menilai kualiti tinjauan bersistematik yang melibatkan kaedah pelbagai (Ridzuwan et al. 2024). Artikel tersebut perlu memenuhi sekurang-kurangnya tiga daripada lima kriteria dalam senarai semak tersebut. Setelah diteliti, artikel tersebut layak untuk proses pengekstrakan data dan analisis. Jadual 3 menunjukkan senarai semak MMAT yang diadaptasi daripada Hainora, Mohd Isa & Hafizhah (2022) dan Sarah Nur Najwa & Maslida (2022).


JADUAL 3. Senarai semak MMAT

Kategori Reka Bentuk Kajian	Kriteria Kualiti Metodologi	
Penyaringan Persoalan	A1	Adakah persoalan kajian jelas?
	A2	Adakah data yang dikumpul mampu menjawab persoalan kajian?
Kualitatif & Kuantitatif	SP1	Adakah strategi pensampelan yang digunakan relevan menjawab persoalan kajian?
	SP2	Adakah sampel kajian mewakili populasi sasaran?
	SP3	Adakah pengukuran yang digunakan bersesuaian?
	SP4	Adakah risiko berat sebelah tiada jawapan rendah?
	SP5	Adakah analisis statistik yang digunakan sesuai untuk menjawab persoalan kajian?
Reka Bentuk Campuran	SP1	Adakah strategi pensampelan yang digunakan relevan menjawab persoalan kajian?
	SP2	Adakah sampel kajian mewakili populasi sasaran?
	SP3	Adakah pengukuran yang digunakan bersesuaian?
	SP4	Adakah risiko berat sebelah tiada jawapan rendah?
	SP5	Adakah analisis statistik yang digunakan sesuai untuk menjawab persoalan kajian?

Sumber: Adaptasi daripada Hainora, Mohd Isa & Hafizhah (2022) dan Sarah Nur Najwa & Maslida (2022)

Sebanyak 26 artikel memenuhi kelima-lima kriteria penilaian. Selain itu, tiga terbitan memenuhi empat kriteria dan tiga terbitan dapat memenuhi tiga kriteria. Maka sebanyak 32 buah artikel disertakan di dalam tinjauan literatur bersistematik ini. Secara keseluruhannya, terbitan kajian yang dipilih adalah

mengikut piawai yang digariskan MMAT. Prosedur penilaian kualiti artikel ini menyokong kesahan dan kebolehpercayaan hasil yang dilaporkan dalam tinjauan literatur sistematik yang melibatkan pelbagai jenis reka bentuk kajian. Proses ini dipaparkan dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Carta Alir Protokol PRISMA (Page et al. 2020)

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Jadual 4 menunjukkan proses pengekstrakan data ke atas 32 artikel yang telah dinilai kualitinya. Proses ini tertumpu kepada tiga bahagian utama dalam artikel iaitu abstrak, hasil kajian dan perbincangan

kajian. Sekiranya perlu, pembacaan dalam bahagian lain artikel yang menawarkan data berkaitan juga akan dilakukan. Data yang diekstrak diletakkan dalam satu jadual bagi memudahkan proses analisis yang akan dilakukan.

JADUAL 4. Pengekstrakan dan Analisis data

Tajuk Kajian	Metodologi	Hasil Dapatan
1. Kemahiran Berfikir Kritis dalam Buku Teks Bahasa Melayu Nurul Hasna et al. (2019)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Kemahiran Berfikir Kritis yang terdapat dalam aktiviti dan penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahap II KSSR pada tahap sederhana. Soalan yang dikemukakan berbentuk stereotaip dan berulang pada bahagian lain. Jumlah soalan yang dikemukakan setiap tahun juga tidak seimbang. Namun, paparan grafik yang berwarna-warni dan pelbagai menjadikan fizikal buku menarik untuk dipelajari.
2. Kandungan Buku Teks Sejarah Dan hubungannya Dengan Pengetahuan Pelajar. Lau Yi Yi et al. (2020)	Reka Bentuk: Kuantitatif Pendekatan: Tinjauan Sampel: Pelajar	Kandungan buku teks mata pelajaran Sejarah mengikut persepsi pelajar adalah pada tahap sederhana tinggi.
3. Analisis Domain Kognitif Bagi latihan dalam Buku Teks Matematik Tahun 6 Cheng Jia Wei & Roslinda (2020)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Sebahagian besar latihan dalam buku teks Matematik SK dan SJKC berada dalam domain mengetahui. Peratusan latihan Matematik berdasarkan jenis latihan, domain kognitif dan tajuk telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam kedua-dua buku teks Matematik SK dan SJKC.
4. Analisis Kandungan Terhadap Penampilan Kandungan, Soalan dan Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Nurul Hasna, Ahmad Arifin & Saedah (2020)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Borang analisa	Penampilan kandungan buku teks Bahasa Melayu KSSR agak menarik dari segi paparan visual dan mempunyai kesinambungan yang baik serta turutan topik dan sub-topik yang baik. Walau bagaimanapun, beberapa aktiviti dan latihan menunjukkan kelemahan seperti arahan yang tidak jelas, berulang yang berlebihan dan kurang cenderung kepada pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan analogi.
5. Analisis Kandungan Buku Teks Matematik Sekolah Rendah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid. Parmjit Singh, NurulHudha & Teoh Sian Hoon (2020)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Murid menghadapi lebih kesukaran pada masalah yang kurang diwakili dan paling sedikit kesukaran yang diwakili secara berlebihan. Memandangkan sukatan pelajaran matematik dalam KSSR terus berkembang dan lebih menumpukan kepada kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid, adalah penting untuk memastikan sumbernya disediakan dengan baik untuk tujuan tersebut.

bersambung ...

... sambungan

6.	Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah di Malaysia dan Indonesia. Analisis Buku Teks. Asmahani, Mohd Mahzan & Abdul Razaq (2020)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Dokumen	Subtopik yang digunakan adalah lebih banyak dan mendalam di dalam membentuk Pemikiran Sejarah di Indonesia berbanding dengan Malaysia. Oleh itu, kemahiran ini perlu ditambah dalam kandungan buku teks sekiranya kemahiran ini diukur melalui bilangan subtopik.
7.	Kandungan Ilustrasi Pecahan di dalam Buku Teks Matematik Tahun 5 KSSR Aisah Noh & Roslinda (2020)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Dokumen	Kandungan ilustrasi yang menjelaskan kepada setiap kemahiran agak kurang mencukupi bagi merangkumi keseluruhan tajuk pecahan pada peringkat umur kanak-kanak yang masih memerlukan operasi konkrit.
8.	Kemahiran Berfikir Kritis dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua. Nurul Hasna (2020)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Aktiviti dan penilaian kemahiran membaca lebih menjurus kepada Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat. Kemahiran Membentuk Inferensi menduduki tangga kedua tertinggi. Sebaliknya, Kemahiran Membuat Keputusan menunjukkan peratusan yang sangat sedikit.
9.	Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah. Norziana Mat Rabi et al. (2020)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Dokumen	Elemen KBAT masih rendah kekerapan penggunaannya dalam arahan dan aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR). Di samping itu, penerapannya tidak seimbang dalam kemahiran bahasa yang terdapat dalam buku teks ini. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa penerapan elemen KBAT secara menyeluruh tidak tersebar dalam setiap unit buku teks.
10.	Pandangan Guru dan Pelajar Smk Methodist, Telok Datok, Banting Terhadap Buku Teks Geografi Tingkatan Dua Jenih Zapit et al. (2020)	Reka Bentuk: Campuran Pendekatan: Tinjauan & Temubual Sampel: Pelajar dan Guru	Pandangan guru dan pelajar buku teks Geografi Tingkatan 2 mempunyai kualiti yang baik dari segi kandungan, grafik dan ilustrasi, aktiviti dan latihan, persembahan serta bahasa dan istilah
11.	Analisis Kesalahan Tatabahasa Dalam Buku Teks Bahasa Arab LASR KSSM Mohamad Hussin & Zawawi (2021)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Lingustik Terapan Sampel: Buku Teks	Terdapat kesalahan tatabahasa yang serius dalam unit yang dikaji. Kesalahan tanda i'rab, kesalahan penggunaan partikel jarr, kesalahan penggunaan fi'il mabnī li al-majhūl, 'ann maṣdariyyah serta konsep tadhkīr dan ta'nīth.
12.	Analisis Aras Kognitif Bagi Soalan dalam Buku Teks Matematik Tahun 4 KSSR Semakan. Azriana & Roslinda (2021)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Empirikal dan Sistematis Sampel: Dokumen	Buku teks Matematik Tahun 4 KSSR Semakan memiliki aras kognitif soalan yang sederhana dengan bilangan soalan yang dominan pada Tahap Inferensi. Dapatan ini menunjukkan bahawa aras soalan dalam buku teks Matematik Tahun 4 KSSR Semakan 2017 adalah lebih tinggi berbanding aras soalan dalam buku teks Matematik KSSR 2011.

bersambung ...

... sambungan

13. Cabaran Pdpr Menggunakan Aplikasi Buku Teks Digital Pendidikan Islam KSSR Abdul Syahid Mustafa et al. (2021)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Dokumen dan Temubual Sampel: Buku Teks	Kajian mendapati bahawa cabaran-cabaran dalam PdPR wujud dari aspek guru, murid dan bahan. Kesimpulannya ialah buku teks masih tetap menjadi sumber utama dalam sesi PdPC walaupun dijalankan secara atas talian.
14. Analisis Topik Ungkapan Algebra dan Rumus Algebra dalam Buku Teks Matematik Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 Zetty Khairunisa & Roslinda (2021)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Standard kandungan dan standard pembelajaran disusun mengikut aras kesukaran dengan menyerlahkan penerangan konsep, aplikasi teknologi Geogebra dan model Polya dalam menyelesaikan masalah matematik. Manakala, banyak aktiviti dan latihan dalam kedua-dua topik ini berada dalam konstruks pengetahuan dan kefahaman dengan aras kesukaran sederhana.
15. Analisis Contoh dan Latihan bagi Topik Penambahan dan Penolakan dalam Buku Teks Matematik SJKC Lim Chien Yee & Roslinda (2021)	Reka Bentuk: Campuran Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Contoh dan latihan bagi penambahan dan penolakan dalam buku teks matematik SJKC adalah kurang dan tidak cukup untuk mengukuhkan pengetahuan dan konsep penambahan dan penolakan murid.
16. Analisis Domain Kandungan Buku Teks Matematik Tahun 4 Kssr Semakan 2017 Tan Lean Chuen & Roslinda (2021)	Reka Bentuk: Campuran Pendekatan: Tinjauan Dan Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Buku teks matematik tahun 4 adalah memenuhi keperluan asas pembelajaran matematik dalam kalangan murid tahun 4 namun perlu diberi perhatian dari segi aspek domain kandungan dan bidang topik
17. Analisis Kandungan Topik Tambah dan Tolak dalam Buku Teks Matematik Tahap 1 Sekolah Kebangsaan Nur Afiqah & Roslinda (2021)	Reka Bentuk: Campuran Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Buku teks Matematik Tahap 1 bertepatan dengan teori-teori pembelajaran. Penggunaan model LESH menjelaskan kepadatan kandungan konsep Matematik yang disampaikan dengan menarik dan gaya persembahan yang pelbagai.
18. Kajian Unsur Budaya Dalam Buku-Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan. Lim Kian Ming & Fan Pik Shy (2021)	Reka Bentuk: Campuran Pendekatan: Analisis Dokumen Sampel: Buku Teks	Set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi terdapat lebih banyak unsur budaya berbanding set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi. Set buku teks BCSK KSSR tahap tinggi lebih ideal untuk memupuk kompetensi komunikatif berbanding set buku teks BCSK KBSR tahap tinggi.

bersambung ...

... sambungan

19.	Persepsi Guru Bahasa Cina Terhadap Kandungan Buku Teks Bahasa Cina SJKC Tahun Satu	Reka Bentuk: Kuantitatif Pendekatan: Soal Selidik Tinjauan Sampel: Guru	Secara amnya, persepsi guru terhadap keseluruhan buku teks Bahasa Cina adalah sederhana tinggi. Dari segi petikan teks dan kosa kata, penampilan kemahiran bahasa, latihan dan aktiviti adalah sederhana.
	Fam Choo Chen & Tan Tiam Lai (2022)		
20.	Analisis Kandungan Topik Pecahan Buku Teks Matematik KSSR Semakan (2017) Berdasarkan Domain Kognitif Taksonomi.	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Topik pecahan bagi Tahun 1 mencapai sehingga aras ketiga iaitu kemahiran mengaplikasi. Manakala kandungan pecahan bagi Tahun 2 sehingga Tahun 5 mencapai sehingga aras keempat iaitu kemahiran menganalisis. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penambahbaikan yang telah dilakukan dalam buku teks Matematik Semakan 2017 mengandungi elemen KBAT.
	Viviana Irina & Roslinda (2022)		
21.	Analisis Kandungan Topik Ruang dalam Buku Teks Matematik KSSR Semakan	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Beberapa perbezaan dalam penyampaian konsep matematik dan aplikasi aktiviti STEM antara kedua-dua buah buku teks matematik, manakala kebanyakan latihan berada pada aras sederhana.
	Tor Guan Yi & Roslinda (2022)		
22.	Analisis Domain Kognitif Bagi Topik Wang Dalam Buku Teks Matematik Tahun 5 dan Tahun 6 KSSR Semakan 2017.	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Analisis Dokumen Sampel: Buku Teks	Buku teks Matematik Tahun 5 aliran SK dan SJKC dominan pada domain mengetahui dengan tumpuannya pada aspek mengira. Manakala, buku teks Matematik Tahun 6 aliran SK dan SJKC pula dominan pada domain menaakul iaitu mencapai tahap domain kognitif yang tinggi. Namun begitu, buku teks Matematik Tahun 6 SK lebih menumpukan aspek menganalisis sebaliknya buku teks Matematik Tahun 6 SJKC lebih menumpukan aspek mengintegrasikan atau mensintesis.
	Tay Ying Shian & Roslinda (2022)		
23.	Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Azhar Md. Sabil et al. (2022)	Reka Bentuk: Campuran Pendekatan: Soal Selidik & Temu Bual Sampel: Guru	Beberapa item yang perlu ditambahbaik bagi menghasilkan instrumen yang dapat mengukur secara keseluruhan kesesuaian kandungan penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu (KSSM) mengikut sub konstruk grafik, audio dan video
24.	Penggunaan Buku Teks dan Penerimaan Ilustrasi dalam Kalangan Guru dan Murid Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif	Reka Bentuk: Campuran Pendekatan: Soal Selidik & Temu Bual Sampel: Guru dan Murid	Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu adalah pada tahap memuaskan dimana 63.4 peratus guru dan 58 peratus murid setuju bahawa buku teks digunakan dalam setiap sesi PdP. 90% guru dan murid setuju bahawa ciri, jenis dan fungsi ilustrasi mendorong mereka menggunakan Buku Teks. Dapatan temu bual menunjukkan kekangan penggunaan buku teks dari aspek kandungan khususnya nota tatabahasa.
	Marmi Mariana & Dahlia Janan (2022)		

bersambung ...

... sambungan

25. Penggunaan Buku Teks dan Hubungannya dengan Amalan Nilai Patriotisme dari Perspektif Murid. Sivakumar & Mohd Mahzan (2023)	Reka Bentuk: Kuantitatif Pendekatan: Tinjauan Sampel: Murid	Murid mempunyai tahap persepsi yang sederhana tinggi terhadap maklumat dalam buku teks sejarah dan amalan patriotisme adalah sederhana positif.
26. Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Keberkesanan Penggunaan Buku Teks Sebagai Bahan Bantu Mengajar Mohd Khairul Azuan & Mohd Isa (2023)	Reka Bentuk: Kuantitatif Pendekatan: Tinjauan Sampel: Guru	Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap buku teks Pendidikan Islam adalah tinggi. Beberapa penambahbaikan perlu dilakukan berkaitan dengan aspek kandungan bertujuan merelevankan penggunaan buku teks dari masa ke masa
27. Analisis Kandungan Topik Ruang Bagi Mata Pelajaran Matematik Tahun Empat Sekolah Rendah Nurul Mardhati & Roslinda (2023)	Reka Bentuk: Kuantitatif Pendekatan: Tinjauan dan Analisis Kandungan Sampel: Buku Teks	Kebanyakan ilustrasi yang digunakan adalah jenis ilustrasi penjelasan gambar rajah serta mempunyai tahap kesukaran soalan yang sederhana disebabkan kekerapan yang tinggi pada soalan jenis rutin dan gambar rajah. Selain itu, beberapa aspek perlu dirujuk semula untuk menghasilkan buku teks yang berkualiti seterusnya memberi kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar.
28. Analisis Kandungan dan Kesenambungan Topik Masa dan Waktu dalam Buku Teks Matematik Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) Tahun 1 hingga Tahun 6 Vidhya & Roslinda (2023)	Reka Bentuk: Kuantitatif Pendekatan: Tinjauan Sampel: Buku Teks	Buku teks Matematik Tahun 1 hingga Tahun 6 mempunyai 546 soalan secara keseluruhan termasuk soalan contoh dan latihan. Buku teks matematik Tahun 1 hingga Tahun 5 mempunyai kesinambungan dalam topik masa dan waktu walaupun Tahun 6 diperkenalkan topik baru kerana murid Tahun 6 mencapai tahap untuk memahaminya.
29. Kelunturan Minat Membaca Bahan Bacaan Berbentuk Fizikal dalam Kalangan Murid Tahap 2 Sekolah Kebangsaan Luar Bandar Habibah, Nor Azwahanum & Nurul Azlin (2023)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Temu bual Sampel: Guru	PdP dalam talian telah melunturkan minat murid untuk membaca bahan bacaan fizikal. Murid-murid tidak lagi berminat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal. Sebaliknya, bahan bacaan digital telah mengambil tempat dan minat murid untuk membaca.

bersambung ...

... sambungan

30. Elemen Didik Hibur dalam Buku Teks Matematik Kurikulum Standard Sekolah Rendah Mohamad Rizwan & Roslinda (2023)	Reka Bentuk: Campuran Pendekatan: Tinjauan dan Analisis Dokumen Sampel: Buku Teks	Sebanyak 49 aktiviti didik hibur mengikut kategori telah dikenal pasti dalam buku teks matematik KSSR tahun 1 sehingga tahun 6. Antaranya aktiviti permainan, nyanyian, puisi (seni bahasa), kolaj (seni visual) dan kembara.
31. Kekerapan Penggunaan Buku Teks dengan strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Rendah dalam Mata Pelajaran Sejarah. Najwa, Anuar & Norasmah (2024)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Temu Bual Sampel: Guru	Buku teks merupakan sumber rujukan pertama kepada guru-guru dan murid-murid. Guru-guru sangat memainkan peranan penting dalam menarik minat murid-murid mempelajari dan memahami sesuatu peristiwa Sejarah dengan lebih terperinci.
32. Pengurusan Sumber dalam Pendidikan Norma Penggunaan Buku Teks Digital. Suhami Ahmad et al. (2024)	Reka Bentuk: Kualitatif Pendekatan: Temu Bual Sampel: Guru	Buku teks cetak masih relevan untuk digunakan, tetapi menjadi lebih menarik jika dibantu dengan buku teks digital.

Analisis kandungan telah dilaksanakan ke atas 32 artikel bagi memastikan kesesuaiannya dengan persoalan kajian. Berbeza daripada pendekatan yang menggunakan kategori sedia ada, kaedah ini membolehkan tema dan kategori muncul secara organik daripada data itu sendiri. Ia melibatkan pembangunan kategori secara induktif, di mana penyelidik menyelami kandungan teks untuk mengenal pasti pola, kategori dan subtema secara langsung daripada bahan yang dianalisis. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam dan bernuansa terhadap fenomena yang dikaji,

kerana penemuan adalah berasaskan data sebenar dan bukannya dikongkong oleh kerangka teori sedia ada (Ismail et al., 2025). Hasil sintesis mendapati dua tema utama berkaitan penggunaan buku teks telah dikenalpasti, iaitu: (i) jenis buku teks dan (ii) kualiti buku teks. Kajian menunjukkan bahawa aspek kualiti merupakan tema yang paling dominan dengan 26 artikel, manakala hanya 6 artikel yang menumpukan kepada jenis buku teks. Jadual 5 di bawah menunjukkan klasifikasi artikel mengikut dua tema utama tersebut.

JADUAL 5. Tema dan Subtema

Bil	Penulis Artikel	Jenis Buku Teks			Kualiti Buku Teks			
		Fizikal	Digital	Kandungan	Aktiviti & Latihan	Reka Bentuk	Bahasa	Budaya dan Nilai
1	Nurul Hasna et al. (2019)			x	x	x		
2	Jenih Zapit et al. (2020)			x	x	x	x	
3	Cheng Jia Wei & Roslinda Binti Rosli (2020)				x			
4	Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifin Sapar & Saedah Siraj (2019)				x			
5	Nurul Hasna Binti Hasan (2020)				x			
6	Aisah Noh & Roslinda Rosli (2020)					x		
7	Norziana Mat Rabi et al. (2020)				x			
8	Lau Yi Yi et al. (2020)			x				
9	Asmahani Muhthar, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad (2020)			x				
10	Parmjit Singh, NurulHudha & Teoh Sian Hoon (2020)			x				
11	Abdul Syahid Mustafa et al. 2021)		x					
12	Lim Kian Ming & Fan Pik Shy (2021)							x
13	Lim Chien Yee & Roslinda Rosli (2021)				x	x		
14	Tan Lean Chuen & Roslinda Rosli (2021)			x				
15	Nur Afiqah Azhar & Roslinda Rosli (2021)			x		x		
16	Azriana Abdul Azis & Roslinda Rosli (2021)				x			
17	Mohamad Hussin & Zawawi Ismail (2021)						x	
18	Zetty Khairunisa Khali & Roslinda Rosli (2021)				x	x		
19	Azhar Md. Sabil et al. (2022)			x		x		
20	Marmi Mariana Zakaria & Dahlia Janan (2022)	x		x		x		
21	Tor Guan Yi & Roslinda Rosli (2022)			x	x	x		
22	Tay Ying Shian & Roslinda Rosli (2022)			x	x			
23	Viviana Irina Nawot & Roslinda Rosli (2022)			x				
24	Nurul Mardhati & Roslinda (2023)			x	x	x		
25	Sivakumar Ramachindran & Mohd Mahzan Awang (2023)							x
26	Fam Choo Chen & Tan Tiam Lai (2022)			x	x		x	
27	Vidhya Subrahim & Roslinda Rosli (2023)			x				
28	Mohamad Rizwan Mohd Nor & Roslinda Rosli (2023)				x			
29	Mohd Khairul Azuan Abdullah & Mohd Isa Hamzah (2023)	x		x				

bersambung ...

... sambungan

30	Habibah, Nor Azwahanum & Nurul Azlin (2023)	x	
31	Suhami Ahmad et al. (2024)		x
32	Najwa, Anuar & Norasmah (2024)	x	

Berdasarkan Jadual 5, terdapat dua tema utama yang dibentuk iaitu kualiti buku teks dan jenis buku teks. Kualiti buku teks dilihat dari aspek kandungan, bahan grafik dan ilustrasi, aktiviti dan latihan, persembahan serta bahasa dan istilah buku teks. Manakala tema jenis buku teks pula dibincangkan dari aspek penggunaannya secara fizikal dan digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kedua-dua tema ini penting dalam meningkatkan keberkesanan PdP di sekolah.

TEMA 1: KUALITI BUKU TEKS

Buku teks yang berkualiti sangat penting dalam sistem pendidikan negara dan penampilannya perlulah sesuai dengan tahap keupayaan dan perkembangan serta pemahaman murid setiap peringkat pendidikan (Nurul Hasna et al. 2019; Fam Choo Chen, Tan Tiam Lai 2022). Sehubungan dengan itu, isu buku teks sudah menjadi subjek kajian semenjak daripada dahulu lagi. Terdapat banyak kajian yang dibuat dalam negara terhadap buku teks seperti aspek kandungan buku teks, grafik dan ilustrasi buku teks, aktiviti dan latihan buku teks, persembahan buku teks, bahasa dan istilah (Jenih et al. 2020).

Buku teks yang berkualiti memenuhi beberapa kriteria penting seperti fakta yang betul dan bermakna, kandungan yang tepat dan lengkap, penyampaian yang jelas, relevan dengan perkembangan ilmu pengetahuan terkini dan berdasarkan kepada sumber yang boleh dipercayai (Lau Yi Yi et al. 2020; Marmi Mariana & Dahlia 2022). Kandungan dalam buku teks perlu disahkan dan berdasarkan kepada sumber yang boleh dipercayai seperti sandaran sesuatu fakta, penelitian saintifik, teori yang diiktiraf dan pengalaman pakar dalam bidang yang berkaitan. Buku teks yang memenuhi ciri-ciri ini, dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang baik kepada murid dan memastikan mereka memperoleh pengetahuan yang berkualiti dalam mata pelajaran yang dipelajari. Kandungan buku teks yang berkualiti juga mampu membantu guru dalam menyusun idea dan maklumat sebelum membina strategi penyampaian dalam pengajaran (Nur Afiqah & Roslinda 2021).

Buku teks yang mengandungi aktiviti dan latihan bercirikan pemikiran kritikal dapat membangunkan kemahiran berfikir murid secara holistik. Aktiviti dan latihan ini menyediakan peluang dan mendorong murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif seterusnya dapat membantu meningkatkan pembelajaran yang berkesan dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran pada masa depan (Zetty Khairunisa & Roslinda 2021). Nurul Hasna et al. (2019) menjelaskan bahawa Kemahiran Berfikir Kritis (KBK) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid di sekolah. Murid perlu didedahkan dengan KBK melalui pendekatan, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan-bahan bantu mengajar termasuk buku teks dan bahan kurikulum yang lain. Penggunaan buku teks sebagai bahan bantu mengajar termasuk teknik penyoalan guru perlu diaplikasikan bagi mengukuhkan dan membudayakan KBK dalam kalangan murid. Buku teks juga perlu memuatkan bentuk persoalan dan aktiviti yang mengarah guru dan pelajar ke arah KBK. Norziana et al. (2020) menyarankan agar elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) lebih banyak diaplikasikan dalam arahan aktiviti dan kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran membaca dan bertutur.

Buku teks yang berkualiti perlu mengikuti urutan pembelajaran yang sesuai dan peringkat kesukaran secara berperingkat (Jenih et al. 2020). Urutan pembelajaran yang sistematik membantu murid membangun pemahaman mereka secara berperingkat dan membolehkan mereka memahami konsep secara mendalam serta membangun pengetahuan mereka dengan kukuh (Zetty Khairunisa & Roslinda 2021). Aspek persembahan dan paparan visual yang menarik seperti grafik, jadual, rajah, carta dan ilustrasi dapat memperkukuhkan pemahaman murid dan membuat pembelajaran lebih menarik (Jenih et al. 2020; Lim Chien Yee & Roslinda 2021; Nur Afiqah & Roslinda 2021; Marmi Mariana & Dahlia 2022; Tor Guan Yi & Roslinda 2022).

Penyediaan buku teks yang berkualiti sangat penting untuk memastikan pelajar mendapat maklumat bahasa yang tepat dan bermotivasi dalam pembelajaran (Mohamad Hussin & Zawawi

2021). Ia memerlukan proses dan semakan yang telus. Bahasa yang digunakan dalam buku teks perlu disesuaikan dengan tahap perkembangan dan pemahaman murid (Jenih et al. 2020; Fam Choo Chen & Tan Tiam Lai 2022). Penggunaan bahasa dan istilah yang terlalu kompleks atau terlalu teknikal mungkin menyukarkan murid untuk memahami maklumat yang disampaikan. Justeru, penggunaan bahasa dan istilah yang tepat dapat membantu murid meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kehidupan seharian mereka (Sivakumar & Mohd Mahzan 2023; Nurul Mardhati & Roslinda 2023). Secara tuntas, penggunaan bahasa dan istilah memainkan peranan yang amat penting dalam menyesuaikan kandungan buku teks dengan penerimaan murid (Mohd Khairul Azuan & Mohd Isa (2023).

Selain itu, buku teks merupakan wadah utama membentuk identiti anak bangsa dan menjadi alat untuk menjayakan pembangunan negara. Di samping itu, ia berfungsi sebagai wahana yang kukuh untuk mencapai perpaduan serta kesejahteraan bangsa dan negara. Buku teks yang digunakan sekarang telah melalui pelbagai perubahan selaras dengan keperluan semasa. Pelbagai pihak berganding bahu dalam merangka kurikulum yang bukan sahaja merangkumi isi kandungan mata pelajaran, malah turut menekankan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) sebagai nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Elemen ini merangkumi aspek seperti penghayatan nilai-nilai patriotisme dan penerapan unsur budaya. Menurut Sivakumar & Mohd Mahzan (2023), penerapan nilai patriotisme di sekolah merupakan aspek penting untuk melahirkan generasi muda yang cinta akan negara. Nilai patriotisme bukan sekadar sesuatu nilai yang dibaca dan dihafal untuk peperiksaan sebaliknya murid perlu menghayati dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Dengan penerapan nilai patriotisme dalam buku teks, murid merasa bangga sebagai rakyat Malaysia, lebih bersemangat setia kepada negara malah sering mengamalkan semangat bersatu padu, harmoni, bertoleransi, sentiasa mengamalkan nilai akhlak dan budi pekerti mulia, mematuhi peraturan dan undang-undang negara serta mengamalkan sikap amanah dan jujur dalam setiap tindakannya.

Di samping itu, Lim Kian Ming & Fan Pik Shy (2021) mendapati unsur-unsur budaya wujud dalam buku teks. Penerokaan unsur-unsur budaya yang terkandung dalam buku teks adalah mustahak bagi meningkatkan kemahiran komunikatif murid-

murid secara efektif dan mengurangkan risiko kesalahfahaman serta konflik. Untuk mencapai matlamat ini, integrasi unsur-unsur budaya dalam pengajaran bahasa perlu ada dalam buku teks. Di samping mempelajari bahasa, murid perlu diberi kefahaman tentang budaya yang terdapat dalam bahasa tersebut. Secara tidak langsung ia membantu meningkatkan pemahaman mereka tentang kepelbagaian budaya yang terdapat dalam masyarakat.

TEMA 2: JENIS BUKU TEKS FIZIKAL DAN DIGITAL

Buku teks memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan Malaysia. Ia menepati kurikulum seragam di semua sekolah di bawah pentadbiran KPM (Azriana & Roslinda 2021; Lau Yi Yi et al. 2020). Menurut Vidhya Subrahim & Roslinda (2023), kandungan buku teks di Malaysia disusun dengan sistematik berdasarkan Dokumen Standard Kandungan Pembelajaran (DSKP). Terdapat dua jenis buku teks iaitu fizikal atau bercetak dan digital. Tidak dinafikan bahawa buku teks fizikal ini sememangnya memberi manfaat kepada para guru dan murid kerana ia berfungsi sebagai rujukan di sekolah ataupun di rumah (Sivakumar & Mohd Mahzan 2023) serta membantu guru memberikan tugas dan nota (Marmi Mariana & Dahlia 2022). Di samping itu, ia berperanan kepada guru untuk merancang strategi, pendekatan, aktiviti dan bahan pengajaran (Azriana & Roslinda 2021). Menurut Jenit et al. (2020), tiga kepentingan buku teks ialah, (i) buku teks menjadi sumber rujukan utama mengenai punca pengetahuan kepada para pelajar, (ii) maklumat dan isi kandungan buku teks menjadi bahan utama dalam ujian dan peperiksaan di sekolah; dan (iii) pengaruh buku teks dalam sistem pendidikan kebangsaan memberi kesan kepada kurikulum, peperiksaan, hak sama rata dalam kalangan pelajar dan pembentukan sahsiah.

Penggunaan buku teks secara fizikal dapat membantu meningkatkan kefahaman murid malah membantu guru-guru dalam melaksanakan PdP mereka. Ia masih lagi relevan sebagai bahan bacaan utama dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Namun, isu guru dan murid tidak menggunakan buku teks sebagai sumber pengajaran utama masih menjadi cabaran dalam alam pendidikan. Sikap guru yang tidak minat membaca, mengkaji dan memahami kandungan serta kesesuaian buku teks merupakan punca pengabaian mereka terhadap buku teks. Malah kekerapan penggunaan buku teks ini

berlaku hanya bagi mata pelajaran tertentu (Marmi Mariana & Dahlia 2022).

Faktor sikap, minat murid dan teks memberi kesan dalam penggunaan buku teks secara fizikal. Bahasa dalam teks yang terlalu tinggi dan kompleks, isi kandungan atau bahan cerita yang sudah terlalu lama dan kurang sesuai dengan keupayaan murid menyukarkan mereka untuk menghayati dan memahami isi yang terkandung dalam teks tersebut. Sebahagian kandungan teks yang terlalu panjang, tulisan kecil dan persembahan buku teks yang kurang menarik menyebabkan murid semakin tidak berminat untuk meneruskan pembacaan (Habibah, Nor Azwahanum & Nurul Azlin 2023). Malah penggunaan tulisan jawi secara sepenuhnya di dalam penulisan buku teks Pendidikan Islam turut memberi impak kepada murid. Kelemahan dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi akan menjadikan murid semakin ketinggalan dalam mata pelajaran (Mohd Khairul Azuan & Mohd Isa (2023). Walau bagaimanapun, buku teks diyakini berpotensi untuk membentuk jati diri dan sahsiah pelajar di samping mampu untuk mengubah minat, tingkah laku dan emosi murid ke arah yang lebih positif (Najwa, Anuar & Norasmah Othman 2024).

Selain buku teks fizikal, buku teks digital juga menjadi bahan rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru memaparkan buku teks digital di skrin komputer semasa menyampaikan isi pengajaran (Abdul Syahid et al. 2021). Buku teks ini boleh dibaca dan diakses oleh sesiapa sahaja yang memerlukan kerana kebanyakan buku teks sudah mempunyai *QR code*. Transformasi penghasilan buku teks daripada format bercetak kepada digital adalah perlu agar selari dengan perkembangan semasa dunia pendidikan. Walau bagaimanapun, beberapa aspek perlu diambil perhatian jika buku digital ingin digunakan sepenuhnya dalam PdP kerana ia melibatkan keupayaan jaringan internet dan alat telekomunikasi atau papan pintar di semua sekolah, literasi digital guru dan murid, bebanan guru dan sebagainya.

PdP secara maya memberi banyak cabaran kepada guru dan murid dari aspek penggunaan buku teks digital. Guru sukar memastikan sama ada murid merujuk buku teks atau tidak kerana guru tidak berada di hadapan murid seperti mana pembelajaran secara bersemuka. Murid pula tidak mempunyai rangkaian internet yang baik di sesetengah kawasan sehingga menyebabkan mereka tidak dapat mengakses buku teks digital. Murid juga

didapati tidak memiliki peranti yang bersesuaian untuk menjalani sesi pengajaran dan pemudahcaraan secara berkesan. Selain itu, terdapat juga murid kurang bermotivasi walaupun memiliki kemudahan untuk menjalani pembelajaran secara maya (Abdul Syahid et al. 2021).

Justeru, KPM hendaklah sentiasa peka dan proaktif dengan keperluan digital masa kini serta mengatasi cabaran-cabaran atau kekangan yang ada dalam membudayakan penggunaan buku digital ini. Di samping itu juga, guru-guru perlu meneroka aspek-aspek baharu dalam teknologi pendidikan supaya dapat menjadi bahan sokongan tambahan kepada buku teks bercetak atau buku teks digital sewaktu menjalankan PdP demi menjayakan aspirasi akademik negara (Suhami et al. 2024).

HASIL DAN PERBINCANGAN

Program KKQ telah dilaksanakan sejak tahun 1986. Ia merupakan aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan oleh KPM di sekolah sebagai lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (KPM 2017). Sehingga kini, guru dan murid menggunakan buku panduan sebagai rujukan utama mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Buku panduan ini dikenali sebagai *Buku Panduan KKQ Tingkatan 1-3 Edisi Semakan* dan *Buku Panduan KKQ Tingkatan 4-5 Edisi Semakan* yang diterbitkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM (dikenali sekarang Bahagian Pendidikan Islam). Buku yang dicetak dalam tulisan jawi ini digunakan sebagai sumber pemerolehan ilmu dan penyampaian maklumat pelbagai pengetahuan dan kemahiran meliputi bidang *Tarannum*, Hafazan, Tajwid, Ulum al-Quran, Rasm Uthmani dan Qiraat al-Sab'ie. Penggunaan buku panduan KKQ dalam PdP boleh membantu untuk meningkatkan kefahaman kandungan serta mencapai objektif pembelajaran. Unikunya KKQ ini, walaupun ia dikategorikan sebagai kokurikulum, namun ia mempunyai sukatan pelajaran yang menyamai format sukatan kurikulum bagi mata pelajaran lain. Malah murid pula dinilai berdasarkan kepada peperiksaan dan pentaksiran sama ada bertulis mahupun lisan. Justeru itu, buku panduan merupakan sumber asas yang perlu ada bagi setiap murid.

Namun begitu, kajian mendapati bahawa penggunaan buku panduan KKQ tidak konsisten dalam semua bidang. Kekerapan penggunaannya sebagai rujukan dan bahan bantu mengajar adalah memuaskan hanya dalam bidang Qiraat al-Sab'ie

(Ahmad Junaidi 2018) dan bidang Tarannum (Nurfadilah et al. 2022). Kajian oleh Zulkifli, Haziyah dan Sabri (2023) pula melaporkan bahawa terdapat murid yang tidak membawa atau menggunakan buku panduan tersebut semasa sesi PdP. Keadaan ini berpotensi merencatkan pencapaian objektif pembelajaran yang dirancang. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan buku panduan KKQ, antaranya ialah sikap, minat dan motivasi terhadap mata pelajaran KKQ. Faktor-faktor ini mungkin berpunca daripada kurangnya kesedaran tentang kepentingan penggunaan buku panduan tersebut dalam proses pembelajaran. Di samping itu, sukatan kandungan yang banyak dan kemahiran yang terlalu tinggi merupakan faktor yang mempengaruhi penggunaan kerana ia kurang sesuai dengan tahap kemampuan murid (Azri, Jahidih & Azmil 2020; Sharifah Noorhidayah, Norhasanah & Nur Wadihah 2023). Selain itu, agihan tajuk yang tidak seimbang dan tersusun antara tingkatan menyebabkan ketidakseragaman dalam pembelajaran dan pemahaman murid. Malah beberapa fakta dalam buku panduan KKQ kurang tepat mengakibatkan kekeliruan dan pemahaman yang salah dalam kalangan murid. Di samping itu, reka bentuk buku panduan KKQ yang tidak menarik juga mengundang kepada ketidakcapaian penguasaan murid KKQ. Satu lagi isu yang turut dikenalpasti adalah reka bentuk buku panduan KKQ yang tidak menarik. Kajian mendapati bahawa visual yang kurang menarik serta kandungan yang terlalu bersifat karangan telah menyebabkan murid berasa bosan dan kurang minat untuk merujuk buku tersebut (JPNS, 2023). Dapatan SLR turut mengukuhkan isu ini, di mana kelemahan utama buku teks secara umum berkisar pada kandungan yang terlalu padat, soalan bersifat stereotaip, arahan yang kurang jelas, aktiviti yang berulang, serta kekurangan aktiviti berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Sebaliknya, elemen grafik dan ilustrasi yang menarik didapati mampu meningkatkan minat murid (Nurul Hasna et al., 2019; Zetty Khairunisa & Roslinda, 2021). Namun begitu, kekurangan aspek interaktif dan visual dalam buku panduan KKQ menjadikannya ketinggalan berbanding buku teks bagi mata pelajaran lain.

Dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa buku teks mempunyai peranan yang amat penting dalam proses PdP. Penggunaan buku teks sama ada fizikal atau digital menjadi sumber rujukan utama kepada semua guru dan murid di negara ini. Elvira Rosyida (2015) merumuskan bahawa

salah satu faktor yang mempengaruhi penggunaan buku teks dalam kalangan guru ialah peranannya sebagai rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), memandangkan kandungannya menepati kurikulum serta sukatan pelajaran yang telah ditetapkan. Di samping itu, guru menggunakan buku teks untuk membina item peperiksaan dan pentaksiran bagi menguji pencapaian murid dalam sesi persekolahan kerana ia mengandungi fakta, maklumat dan isi kandungan yang seragam (Azriana & Roslinda 2021). Buku teks yang berkualiti dari segi kandungan, grafik dan ilustrasi, aktiviti dan latihan, persembahan, serta bahasa dan istilah meningkatkan keinginan guru untuk menggunakannya sebagai alat bantu mengajar. Penggunaan buku teks dalam pengajaran juga dapat membantu meningkatkan kefahaman murid dalam sesuatu mata pelajaran yang diajar. Ini bertepatan dengan pandangan Zainab (2016) bahawa penggunaan bahan bantu mengajar seperti buku teks boleh meningkatkan pencapaian murid. Secara tidak langsung penggunaan buku teks ini dapat membantu menjimatkan masa guru serta mengurangkan beban kerja guru daripada mencari bahan pengajaran lain (Salaheddine et al. 2024). Ia juga menjadi panduan bagi guru baharu yang tidak berpengalaman untuk merancang pengajaran mereka. Pengajaran yang baik dan berkesan memerlukan para guru yang berpengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar (Mohamad Khairi et al. 2019). Tidak dinafikan juga bahawa persembahan reka bentuk buku teks yang baik boleh menarik minat guru untuk menggunakannya dalam pengajaran mereka.

Menurut Amber Nicole, Alex dan Daniel (2020) serta Vijayaletchumy dan Selvam (2017), antara faktor yang mempengaruhi penggunaan buku teks dalam kalangan murid ialah fungsinya sebagai panduan untuk menghadapi pentaksiran dan peperiksaan. Di samping itu, buku teks yang menyajikan maklumat secara menarik dan teratur, serta mengandungi isi yang sesuai dengan tahap kemampuan murid, dapat menarik minat mereka untuk menggunakannya (Anwas et al., 2022). Murid juga cenderung menggunakan buku teks bercetak kerana mudah diakses dan mesra kognitif, namun motivasi mereka didapati lebih tinggi apabila kandungan dan persembahan visualnya menarik (Marmi Mariana & Dahlia 2022; Fam Choo Chen & Tan Tiam Lai 2022). Kaedah pengajaran guru yang mempelbagaikan sumber dan menggunakan pendekatan yang komprehensif dapat meningkatkan motivasi murid untuk menggunakan buku teks.

Ia bertepatan dengan pandangan Siti Rashidah (2020) bahawa kepelbagaian kaedah inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran boleh meningkatkan kecemerlangan. Guru yang kreatif dalam mengintegrasikan buku teks dengan bahan bantu mengajar lain dapat menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

Selain pengaruh guru, rakan sebaya yang aktif menggunakan buku teks turut berperanan dalam memotivasikan murid lain untuk menggunakannya. Sikap murid terhadap aktiviti membaca dan mempelajari kandungan buku teks juga memberi kesan langsung terhadap tahap penggunaannya. Murid yang kurang berminat untuk membaca, mengkaji, dan memahami isi kandungan cenderung untuk tidak memanfaatkan buku teks secara optimum.

Tuntasnya, persembahan buku teks yang berkualiti merupakan faktor penting yang mempengaruhi penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid. Buku teks yang berkualiti bukan sahaja memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran malah turut meningkatkan minat dan motivasi murid untuk belajar (Suwarno et al. 2023). Oleh itu, elemen ciri-ciri buku teks berkualiti yang dikemukakan dalam SLR ini perlu dimasukkan dalam kerangka buku teks KKQ. Ketepatan fakta merupakan asas penting dalam menyampaikan pendidikan yang berkesan. Misalnya, kesalahan tatabahasa yang ditemui dalam buku teks bahasa Arab (Mohamad Hussin & Zawawi, 2021) memberi kesan langsung terhadap kefahaman murid. Situasi yang sama juga berpotensi berlaku sekiranya fakta dalam buku panduan KKQ tidak disemak dengan teliti. Oleh itu, buku teks KKQ perlu memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung adalah tepat dan sahih bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan murid. Perkara ini amat penting terutama dalam konteks pengajaran al-Quran yang menuntut kepatuhan terhadap ajaran Islam yang benar dan sahih. Seperti yang dinyatakan oleh Lau Yi Yi et al. (2021) dan Darmawan & Mulyana (2016), buku teks hendaklah mengandungi fakta yang betul, tepat, jelas, dan mudah difahami. Selain itu, bahasa yang digunakan mestilah sesuai dengan tahap pemahaman murid bagi memastikan keberkesanan pembelajaran.

Kandungan buku teks juga perlu disesuaikan dengan tahap perkembangan kognitif dan kemampuan murid bagi memastikan murid dapat memahami dan menguasai bahan yang diajar tanpa merasa terbeban. Kandungan buku teks KKQ perlu

diatur dengan baik, bermula dengan konsep-konsep yang mudah diikuti oleh murid tahap rendah, dan secara beransur-ansur diperkenalkan kepada konsep yang lebih kompleks. Ini penting kerana sukatan pelajaran KKQ yang terlalu tinggi atau sukar boleh menyebabkan murid kurang berminat dan berasa tertekan (Sharifah Noorhidayah et al. 2023). Oleh itu, kandungan yang bersesuaian dengan kebolehan dan pemahaman murid perlu diberi penekanan.

Elemen visual seperti ilustrasi, gambar, peta minda, dan infografik memainkan peranan penting dalam menghasilkan buku teks berkualiti. Elemen-elemen ini membantu menerangkan konsep-konsep kompleks, sekaligus menjadikan pembelajaran lebih mudah difahami dan menarik minat murid. Seperti yang ditekankan oleh Nur Afqah dan Roslinda (2021), visual yang menarik berjaya meningkatkan minat pelajar terhadap buku teks. Oleh itu, buku panduan KKQ wajar mengamalkan pendekatan penyampaian grafik yang lebih interaktif. Kajian mereka juga menegaskan bahawa elemen visual bukan sahaja mengembangkan kemampuan murid, tetapi turut meningkatkan minat, motivasi, dan penguasaan konsep secara mendalam.

Satu lagi elemen yang perlu dimasukkan dalam buku teks KKQ ialah aktiviti-aktiviti pembelajaran yang merangsang pemikiran kritis. Buku teks yang berkualiti tidak hanya menyajikan maklumat secara statik tetapi juga perlu mengandungi aktiviti yang mencabar minda murid seperti soalan perbincangan, latihan pemahaman mendalam, serta aktiviti interaktif dan kreatif. Aktiviti sebegini mampu menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis serta lebih memahami dan menguasai konsep yang diajar. Selain itu, langkah ini turut mencerminkan peralihan yang signifikan dalam pendidikan Islam — daripada pendekatan tradisional yang bersifat pasif kepada kaedah yang lebih interaktif dan berasaskan penglibatan aktif. Pendekatan ini lebih selari dengan keperluan semasa, khususnya dalam menghadapi perkembangan pesat teknologi dan keperluan pendidikan abad ke-21 (Rekan, et al. 2025). Justeru itu, Nur Afqah dan Roslinda (2021) menekankan bahawa buku teks yang merangsang pemikiran kritis adalah penting untuk memperkembangkan kemahiran intelektual murid, sekaligus meningkatkan minat mereka dalam mempelajari KKQ.

Bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran KKQ, selain buku teks, penyediaan bahan bantu mengajar yang berkualiti juga amat penting. Azarul Razamin (2023)

menyatakan bahawa bahan pengajaran berkualiti seperti panduan guru, bahan multimedia, dan modul interaktif perlu diintegrasikan bagi menyokong penggunaan buku teks dalam PdP. Ini selaras dengan dapatan SLR yang menunjukkan bahawa buku teks digital semakin mendapat tempat, namun penggunaannya masih terbatas akibat masalah infrastruktur dan motivasi murid (Abdul Syahid et al., 2021; Suhami et al., 2024). Oleh itu, buku panduan KKQ boleh diperkasakan melalui hibrid iaitu teks bercetak sebagai asas, digital sebagai sokongan. Pendekatan yang kreatif dan inovatif akan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan kepada murid, di samping meningkatkan kecekapan pengajaran guru.

Oleh itu, adalah amat penting memastikan buku teks KKQ dihasilkan dengan standard kualiti yang tinggi supaya dapat memberi impak positif kepada pendidikan murid. Buku teks KKQ perlu melalui proses semakan dan penambahbaikan secara berkala bagi memastikan ia sentiasa relevan dan memenuhi keperluan pendidikan semasa. Ini selaras dengan perkembangan dinamik dalam bidang pendidikan al-Quran dan Jawi. Buku teks yang statik boleh menjadi usang atau tidak lagi relevan dengan perkembangan terkini. Oleh itu, Fam Choo Chen dan Tan Tiam Lai (2022) menegaskan kepentingan kajian berterusan bagi penambahbaikan buku teks agar kandungannya sentiasa relevan dengan kehendak murid serta selaras dengan kurikulum yang sentiasa berkembang. Justeru, buku teks KKQ perlu dibina dengan ketelitian dan mengambil kira elemen kualiti untuk memastikan ia berfungsi sebagai alat yang berkesan dalam menyampaikan ilmu. Elemen-elemen seperti ketepatan fakta, kandungan yang sesuai dengan kemampuan murid, elemen visual yang menarik, serta aktiviti pemikiran kritikal adalah asas penting dalam pembangunan buku teks yang boleh menyokong pengajaran al-Quran secara holistik dan berkesan. Penambahbaikan berterusan perlu dilaksanakan supaya buku teks ini kekal relevan serta memberi impak positif kepada pendidikan murid KKQ dan memenuhi keperluan pendidikan Islam kontemporari.

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

Buku panduan KKQ merupakan sumber rujukan utama dalam pelaksanaan PdP. Meskipun dikategorikan sebagai bahan kokurikulum, ia memiliki ciri-ciri yang setara dengan buku teks dari segi struktur kandungan dan penyampaiannya.

Namun, sejak tahun 2008, sukatan pelajaran dan isi kandungan buku panduan ini belum pernah disemak semula. Justeru, satu transformasi menyeluruh perlu dilaksanakan, merangkumi pelarasan kurikulum terkini, ketepatan fakta, serta kesesuaian kandungan dengan tahap pemahaman murid. Selain itu, aspek reka bentuk visual, ilustrasi, dan susun atur juga perlu ditambah baik agar buku ini menjadi lebih menarik dan berkesan untuk kegunaan guru dan murid. Kajian turut mencadangkan agar bahasa dan istilah yang digunakan dalam buku panduan KKQ lebih ringkas dan sesuai dengan tahap pemahaman murid. Gaya bahasa yang mudah difahami akan memudahkan murid menguasai kandungan dengan lebih baik.

Proses penambahbaikan buku panduan KKQ wajar berteraskan prinsip islah (pembetulan berterusan) dalam Islam, agar kandungannya kekal relevan dengan keperluan semasa tanpa mengkompromikan kesahihannya. Memandangkan peranannya yang signifikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, adalah wajar untuk mempertimbangkan pengiktirafan buku panduan KKQ sebagai buku teks rasmi. Pengiktirafan ini bukan sahaja akan meningkatkan status buku tersebut, malah memastikan ia menerima perhatian setara dengan buku teks mata pelajaran lain, khususnya dari segi reka bentuk persembahan, gaya bahasa dan penggunaan istilah. Langkah ini juga berpotensi mengangkat KKQ daripada sekadar kokurikulum kepada instrumen rasmi pendidikan al-Quran di sekolah, yang diiktiraf dari segi keutamaan, pelaksanaan dan dasar pendidikan.

KESIMPULAN

Sorotan literatur bersistematik ini mengenal pasti dua tema utama yang mempengaruhi penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid iaitu jenis buku teks dan kualiti buku teks. Buku teks fizikal masih mendominasi penggunaannya, namun buku digital semakin mendapat perhatian khususnya dalam tempoh pasca pandemik. Walau bagaimanapun, cabaran capaian internet, kekurangan peranti dan literasi digital guru dan murid masih menjadi faktor yang membatasi keberkesanannya. Buku teks yang berkualiti berperanan penting merangsang pemikiran kritis murid, menyokong KBAT serta memudahkan guru dalam merancang PdP. Aspek kualiti merangkumi kandungan, grafik, aktiviti latihan, serta bahasa dan istilah yang mesra murid. Namun, dapatan SLR menunjukkan kelemahan

ketara buku teks sedia ada ialah kandungan yang padat, soalan stereotaip, aktiviti berulang dan visual yang kurang interaktif. Selain itu, elemen penting seperti nilai patriotisme dan unsur budaya juga perlu dititikberatkan kerana buku teks bukan sekadar menyampaikan fakta, tetapi turut membentuk identiti murid. Dalam konteks pengajian al-Quran, hal ini menjadi lebih signifikan memandangkan buku panduan KKQ berfungsi bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk akhlak, sahsiah Islamiah dan kefahaman rohani berasaskan al-Quran.

Sehubungan dengan itu, buku panduan KKQ yang kini berstatus kurikulum wajar diberi perhatian untuk dikaji semula agar memenuhi ciri-ciri buku teks berkualiti. Antara cadangan yang dikemukakan ialah semakan berkala terhadap isi kandungan, penyediaan latihan berasaskan KBAT, reka bentuk visual interaktif, penggunaan bahasa mudah dengan glosari istilah agama, selain penerapan model hibrid bercetak dan digital. Dengan penambahbaikan ini, buku panduan KKQ lebih layak diangkat setara dengan buku teks induk lain supaya pendidikan al-Quran di sekolah terus relevan, sahih dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran semasa.

PENGHARGAAN

Artikel ini sebahagian kajian PhD di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi dan rangka awal kajian, Zulkifli, Haziyyah dan Sabri; Pengumpulan data, Zulkifli; Analisis dan perbincangan, Zulkifli, Haziyyah, Sabri dan Ahmad Baha'; Penyuntingan dan semakan akhir, Zulkifli dan Haziyyah. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

Abdul Rahman, R., Marinsah, S. A., & Ramlie, H. A. 2025. Integrasi teknologi Revolusi Industri 4.0 dalam pendidikan Islam: Analisis sistematik perkembangan, cabaran dan peluang (2015–2025). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 10(58): 902-921.

- Ahmad Hilmi, A., B., Musa, M., Mahiz, S., & Zulkarnin, Z. 2024. Pengajian al-Quran dan pengintegrasian dengan ilmu aqli: Sorotan sejarah. *'Abqari Journal*. 31(2): 10-22. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol31no2.645>.
- Aisah Noh & Roslinda Rosli. 2020. Kandungan ilustrasi pecahan di dalam buku teks Matematik Tahun 5 KSSR. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(3): 231-236.
- Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Othman, Mohd. Kasri Saidon. 2020. Memacu pendidikan di era Revolusi Industri 4.0: Penerapan nilai-nilai Islam dan inovasi dalam pengajaran di institusi pengajian tinggi. *Islamiyyat : The International Journal of Islamic Studies*. 42(Isu Khas): 13–20.
- Alexon, Safnil & Syafryadin. 2024. Teachers' and students' perceptions of using local content in English textbooks in an EFL context. *Cakrawala Pendidikan*. 43(1): 102-115. <https://doi.org/10.21831/cp.v43i1.518281>
- Amrina Rasyada Kamaruzaman & Nik Md Saiful Nik Abdullah. 2019. Penulisan Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah di peringkat menengah: Isu dan cabaran. *Jurnal Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra*. 14(1): 1-30. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/jurnalkias/article/view/155>
- Asmahani Muhthar, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. 2020. Elemen kemahiran pemikiran sejarah di Malaysia dan Indonesia: Analisis perbandingan buku teks. *Proceeding Malaysia International Convention on Education Research & Management (MICER)*, hlm. 128-139.
- Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar & Mohd Allnurulhuda Ghazali. 2023. Pengajaran al-Quran di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia: Cabaran dan harapan. *International Journal of Al-Quran and Knowledge*. 3(1):1-10. <https://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/69>
- Azhar Md. Sabil, Shamsuddin Othman, Abu Bakar Razali & Rosmaria Omar. 2022. Penggunaan buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam kalangan guru Bahasa Melayu menengah rendah: Kajian rintis. *ANP Journal of Social Science and Humanities*. 3(2): 65-71.
- Azriana Abdul Azis & Roslinda Rosli. 2021. Analisis aras kognitif bagi soalan dalam buku teks Matematik Tahun 4 KSSR Semakan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(3): 146-158. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.712>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2014b. *Kemahiran berfikir aras tinggi: Aplikasi di Sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cheng Jia Wei & Roslinda Rosli. 2020. Analisis domain kognitif bagi latihan dalam buku teks Matematik Tahun 6. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(11): 116-126. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.549>

- E. Oos M. Anwas, Anggi Afriansyah, Khofifa Najma Iftitah, Winci Firdaus, Yuni Sugiarti, Evi Supandi & Deni Hadiana. 2022. Students' literacy skills and quality of textbooks in Indonesian elementary schools. *International Journal of Language Education*. 6(3): 233-244. <https://doi.org/10.26858/ijole.v6i3.32756>.
- Fam Choo Chen & Tan Tiam Lai. 2022. Persepsi guru bahasa Cina terhadap kandungan buku teks bahasa Cina SJKC Tahun Satu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 7(6): 1-13 <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1577>
- Fatimatulzahrhah Othman. 2019. Amalan penggunaan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Muhammad Arsyad Abdul Majid & Wan Haslina Wah. 2012. Penggunaan bahan pembelajaran dalam kursus Bahasa Arab. *GEMA Online TM Journal of Language Studies*. 12(1): 215-233.
- Gusenbauer, M., & Haddaway, N. R. 2019. Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods*. 11(2): 181-217. <https://doi.org/10.1002/jrsm.1378>
- Hong Q, N, Pluye P, Fàbregues S, Bartlett G, Boardman F, Cargo M, Dagenais P, Gagnon M-P, Griffiths F, Nicolau B, O'Cathain A, Rousseau M-C & Vedel, I. 2018. *Mixed Methods Appraisal Tool (MMAT) Version 2018: User guide*. Department of Family Medicine, McGill University: Montréal.
- Ismail, A.M., Jamir Singh, P.S. & Mujani, W.K. A systematic review: unveiling the complexity of definitions in extremism and religious extremism. *Humanities and Social Science Communications* 12: 1-12. <https://doi.org/10.1057/s41599-025-05685-z>
- Jane Webster & Richard T. Watson. 2022. Analyzing the past to prepare for the future: Writing a literature review. *Mis Quarterly*. 26(2): xiii-xxiii.
- Jenih Zapit, Mazdi Marzuki, Kamarul Ismail & Nor Kalsum Mohd Isa. 2020. Pandangan guru dan pelajar SMK Methodist, Telok Datok, Banting terhadap buku teks Geografi Tingkatan Dua. *Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial* 11 (1): 107-117.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(1): 59-74.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd Faez Ilias. 2012. Gaya pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, hlm. 211-223.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. t.t. *Panduan Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Berdasarkan Buku Teks KBSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.
- Kogindran Solumuthu, Nadarajan Thambu & Priscilla Jayabala. 2023. Textbooks in teaching and learning process in Malaysian's school: A Meta-Analysis study. *Jurnal Perspektif* 15(1): 39-54.
- Lau Yi Yi, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang & Norasmah Othman. 2020. Kandungan buku teks Sejarah dan hubungannya dengan pengetahuan pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*. 23(2): 59-67.
- Lim Chien Yee & Roslinda Rosli. 2021. Analisis contoh dan latihan bagi topik penambahan dan penolakan dalam buku teks Matematik SJKC. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(9): 254-270. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1008>
- Marmi Mariana Zakaria & Dahlia Janan. 2022. Penggunaan buku teks dan penerimaan ilustrasi dalam kalangan guru dan murid: Pendekatan kualitatif dan kuantitatif. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education* 12(10): 80-98. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol12.1.6.2022>
- Milad Ramazani. 2013. Perceptions of using English textbooks for Iranian technical and vocational college students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 70: 1748-1762. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.01.250>
- Mohamad Hussin & Zawawi Ismail. 2021. Analisis kesalahan tata bahasa dalam buku teks bahasa Arab LASR KSSM. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*, hlm. 445-455.
- Mohamad, M. R., Kamar, M. Z. S., & Saad, S. 2018. Kepentingan sanad dalam menjaga keaslian al-Quran. In *The Proceeding of International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith*, hlm. 92-98.
- Mohammad Rizwan Mohd Nor & Roslinda Rosli. 2023. Elemen didik hibur dalam buku teks Matematik Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 346-359.
- Mohd Khairul Azuan Abdullah & Mohd Isa Hamzah. 2023. Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap keberkesanan penggunaan buku teks sebagai bahan bantu mengajar. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research* 3(3): 39-51.
- Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. 2024. Sorotan literatur bersistematis: semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa Melayu sekolah menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 39(1): 171-190. <https://doi.org/10.21315/apjee2024.39.1.7>
- Muhamad Jad Hamizan Mohamad Yusoff, M. Zain Sulaiman, Intan Safinaz Zainudin & Haslina Haroon. 2023. Sistem pentauliahan penterjemah: Sorotan literatur bersistematis. *Journal of Language Studies*. 23(4): 115-131. <http://doi.org/10.17576/gema-2023-2304-07>.

- Muhammad Panjaitan, P., Harfiani, R., & Amini, A. 2025. Pengembangan media pembelajaran berbasis ICT pada mata pelajaran tahsin al-Quran di Madrasah Aliyah Annur Prima Medan. *Berajah Journal*. 5(2): 213–226. <https://doi.org/10.47353/bj.v5i2.599>
- Najwa Abdul Aziz, Anuar Ahmad, Norasmah Othman. 2024. Kekerapan penggunaan buku teks dengan strategi pengajaran dan pembelajaran sekolah rendah dalam mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 9(1):1-16. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2677>
- Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin. 2021. Impak dan cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(4): 104-115. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2021.3.4.9>
- Norul Haida Hj. Reduzan, Sharil Nizam Sha'ri & Nor Azian Yeop Idris. 2016. Keberkesanan penggunaan buku teks Bahasa Malaysia (KSSR) Sekolah Rendah. *4th International Conference on Language, Education and Innovation (ICLEI)*, hlm. 49-55.
- Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Norfishah Mat Rabi. 2020. Penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Enam sekolah rendah. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 10(2): 57–67. <https://doi.org/10.15282/Ijleal.V10.4373>
- Nur Afiqah Azhar & Roslinda Rosli. 2021. Analisis kandungan topik tambah dan tolak dalam buku teks Matematik Tahap 1 sekolah kebangsaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 1(1): 394-405.
- Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifin Sapar & Saedah Siraj. 2020. Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data anekdot. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 8(2): 1-12.
- Nurul Mardhati & Roslinda Rosli. 2023. Analisis kandungan topik ruang bagi mata pelajaran Matematik Tahun Empat sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*. 13(10): 31-51.
- Nurul Nissha Johari & Harun Baharudin. 2023. Pengaruh pengajaran terbeza terhadap kreativiti pengajaran guru Bahasa Arab sekolah rendah. *Islamiyyat : The International Journal of Islamic Studies*. 45(2): 35–46. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4502-03>
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S. & Moher, D. 2021. The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *The BMJ*, hlm.1-9. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Rekan, A.A., Kasim, T.S.A.T., Bin Jamil, A.I., Salleh, M.N.M., Ishak, N.S.I., & Jodi, K.H.M. 2025. Creative and active learning of the history of Islamic education using the Nearpod application. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*. 13(2): 903-930. <https://doi.org/10.26811/peuradeun.v13i2.1381>
- Ridzuwan, A. Z., Halim, L., & Wan Mohammad, W. M. R. 2024. A Conceptual framework of teacher and student strategies in the use of science textbooks through a systematic literature review. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*. 14(2): 1–20. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol14.2.1.2024>
- Salaheddine Saayoun, Tarik El Fathi, Chems Ghizlane, Omar Abidi, Driss Lamri & El Mehdi Al Ibrahmi. 2024. Teacher perspectives on life and earth Sciences textbook evaluation in Moroccan middle and high schools. *Journal of Educational and Social Research*. 14(5) : 142-156. <https://doi.org/10.36941/jesr-2024-0127>
- Sarah Nur Najwa Mohd Nasir & Maslida Yusof. 2022. Penggerak komunikasi dalam perbualan dan teknologi komunikasi: Satu sorotan literatur bersistematis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 7(10): 1-19. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1837>
- Siti Rashidah Abd Razak. 2020. Isu pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan pedagogi dan amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat tahfiz persendirian di Selangor. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 42(SI): 101–106. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-42IK-13>
- Sivakumar Ramachindran & Mohd Mahzan Awang. 2023. Penggunaan buku teks dan hubungannya dengan amalan nilai patriotisme dari perspektif murid. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 761-770. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd76>
- Sri Andayani Mahdi Yusuf, Mohd. Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. 2021. Amalan guru dalam pengajaran subjek Maharat al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 5: 39-50.
- Suwarno, Andika Hariyanto Surbakti, Ahmad Yunus Mokoginta Harahap & Ramsah Ali. 2023. Development of teaching materials for tahsin al-Qur'an to improve students' al-Qur'an reading ability. *TA'DIB* 26(2): 213-225.
- Tan Lean Chuen & Roslinda Rosli. 2021. Analisis domain kandungan buku teks Matematik tahun 4 KSSR Semakan 2017. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 11(2): 51-66. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.2.5.2021>
- Tay Meng Guat. 2010. Pandangan guru pelatih terhadap buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*. 9: 1-13. <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2010/taymgjp2010.pdf>

- Tay Ying Shian & Roslinda Rosli. 2022. Analisis domain kognitif bagi topik wang dalam buku teks Matematik Tahun 5 dan Tahun 6 KSSR Semakan 2017. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*. 12(2): 1–21. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol12.2.1.2022>.
- Tor Guan Yi & Roslinda Rosli. 2022. Analisis kandungan topik ruang dalam buku teks Matematik KSSR Semakan 2021. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 12(2): 93–106. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol12.2.7.2022>
- Vidhya Subrahim, Roslinda Rosli. 2023. Analisis kandungan dan kesinambungan topik masa dan waktu dalam buku teks Matematik Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) Tahun 1 hingga Tahun 6. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, hlm. 112-124.
- Viviana Irina Nawot & Roslinda Rosli. 2022. Analisis kandungan topik pecahan buku teks Matematik KSSR Semakan berdasarkan domain kognitif Taksonomi Bloom. *Jurnal Dunia Pendidikan* 12(2): 329-343.
- Wan Mariana. 2013. Penilaian pelajar terhadap penggunaan buku teks Pendidikan Islam tingkatan Empat. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2011. *The Concept of Knowledge in Islam and Its Implications for Education in Developing Countries*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Zainab Ismail. 2016. Ulasan buku: pengajaran & pembelajaran tilawah al-Qur'an sekolah menengah di Malaysia. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 38(2): 175 – 178. <http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3802-10>.
- Zetty Khairunisa Khali & Roslinda Rosli. 2021. Analisis topik ungkapan algebra dan rumus algebra dalam buku teks Matematik tingkatan 1 dan tingkatan 2. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 11(2): 26-38. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.2.3.2021>
- Zulkifli Abd Mubi, Haziyah Hussin & Sabri Mohamad. 2023. Pascanilai pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ): Cabaran dan strategi. *AL-TURATH: Journal of Al-Quran and Al-Sunnah* 8 (2): 12-24.